

Rejuvenasi Akal

Semua AGAMA BERASAL DARI ISLAM?

Agama Hindu berasal dari Islam?

Posted on June 14, 2014

<https://rejuvenasiakal.wordpress.com/tag/semua-agama-berasal-dari-islam/>

1

(sedutan pendahuluan manuskrip “Semua Agama Berasal Dari Islam?”)

Islam berarti turut, patuh dan kedamaian. Perkataan Islam dikaitkan dengan nama syariat dan agama yang diteruskan oleh Nabi Muhammad SAW. Dalam epistemologi nama agama ini sangat berbeza dengan agama-agama lain seperti agama Hindu dikaitkan dengan nama sungai Indus, agama Kristian dikaitkan dengan nama ‘Jesus Christ’. Agama Buddha adalah hasil nama pengasasnya, agama Yahudi adalah hasil dari anak cucu Yahuda dan begitu juga dengan agama lain. Berlainan dengan Islam yang tidak mengambil namanya dari Nabi Muhammad dan tidak dinamakan sebagai agama Muhammadi.

Syariat Islam itu bermula sejak nabi Adam sehingga nabi Muhammad SAW. Akan tetapi sebelum Nabi Muhammad SAW, nama Islam tidak digunakan sebagai peristilahan khusus kepada agama. Sebelum ini agama nabi-nabi terdahulu tidak diperkenalkan dengan nama Islam akan tetapi mereka memperkenalkan dengan suruhan “Jangan berlaku syirik, Tuhan yang satu, sembahlah Allah” yang terkandung di dalamnya penyerahan, kepatuhan kepada Allah atau dengan kata lain adalah Islam.

Didalam al Quran Allah berfirman yang bermaksud:

“Ibrahim bukan seorang Yahudi dan bukan (pula) seorang Nasrani, akan tetapi dia adalah seorang yang lurus (tidak berlaku syirik) lagi berserah diri (kepada Allah) dan sekali-kali bukanlah dia termasuk golongan orang-orang musyrik. (Surah al-Imran: 67)

“Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: “Tunduk patuhlah!” Ibrahim menjawab: “Aku tunduk patuh kepada Tuhan semesta alam.” Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Ya’qub. (Ibrahim berkata): “Hai anak-anakku! Sesungguhnya

Allah Telah memilih agama ini bagimu, Maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam". (Surah al Baqarah: 131-132)

Dalil di atas jelas menunjukkan bahawa nabi Ibrahim juga menganut agama kepatuhan iaitu Islam. Ini adalah nas yang menyatakan bahawa Islam adalah agama yang tertua di dunia dan bukan agama Hindu dan agama lain. Penulis akan kemukakan teori penulis mengenai perkara ini dan berharap ada di kalangan pembaca yang budiman dapat mengembangkan lagi fakta yang dikemukakan ini.

Hindu Berasal Dari Islam?

Sebagaimana yang diketahui bahawa agama Hindu berasal di India. Penduduk India yang asli pada waktu itu adalah bangsa Dravida. Bangsa ini ialah penduduk asli yang diketemukan menduduki kota Harappa di Punjab dan di sebelah utara kota Karachi pada tahun 3000-2000 SM. Mula-mula mereka tinggal tersebar di seluruh negeri, tapi lama kelamaan hanya tinggal di sebelah selatan dan memerintah negerinya sendiri, ini kerana sebelah utara mereka hidup sebagai orang tawanan dan bekerja pada bangsa yang merebut negeri itu. Mereka adalah bangsa yang berkulit hitam dan berhidung pipih, bertubuh kecil dengan rambut keriting. Bangsa Dravida mempunyai peradaban tinggi waktu itu, ternyata di daerah Punjab dan lereng sungai gangga terdapat daerah yang subur yang sudah diusahakan oleh bangsa Dravida. Dan di kota-kota yang terkenal disebut Mohenjodaro dan Harappa pun sudah dibina rumah-rumah batu yang dibangun oleh mereka. Mereka bercucuk tanam dan pandai berlayar menyusur pantai.

Bangsa Dravida juga adalah bangsa yang beragama kepada politisme percaya kepada banyak Tuhan. Mereka juga memiliki kepercayaan menyembah dewa-dewa misalnya dewa kesuburan dan kemakmuran (Dewi Ibu). Masyarakat lembah Sungai Indus juga menyembah binatang-binatang seperti buaya dan gajah serta menyembah pohon seperti pohonpipal (beringin). Pemujaan tersebut dimaksudkan sebagai tanda terima kasih terhadap kehidupan yang dinikmatinya, yang merupakan kesejahteraan dan perdamaian.

Sejarah merakamkan bahawa bangsa Aryan dari Parsi memasuki India sekitar 2000-1000 SM. Mereka adalah bangsa berkulit putih dan memiliki hidung mancung. Bangsa Aryan adalah

bangsa yang banyak mencorak struktur keagamaan di India sehingga wujudnya agama Hindu. Pada saat bangsa Aryan memasuki India, mereka telah memiliki agama yang dikenali sebagai Arya Dharma. Dharma bermaksud 'Jalan Hidup'. Oleh itu Arya Dharma bermaksud 'Jalan Hidup Arya'. Di dalam konsep Arya Dharma mereka mempercayai kepada Tuhan yang satu dengan kata lain adalah Tauhid. Mereka adalah bangsa yang terkesan dengan dakwah anak cucu nabi Ibrahim. Di dalam ajaran Arya Dharma juga banyak menyebut mengenai nabi Ibrahim.

10385408_718847918172638_3910386750107555156_n

Menurut Sami Abdullah al-Maghluts didalam bukunya Atlas Tarikh Anbiya' wa Rasul menyatakan Nabi Ibrahim memulakan dakwah Tauhidnya di Babylon, Iraq. Beliau berhijrah ke wilayah Kurdistan dan memasuki Syam serta menuju ke Mekah sehingga terjadinya peristiwa terkenal pembinaan ka'bah dan wujudnya telaga zam-zam. Peristiwa ini berlaku sekitar 4000 SM.

Dakwah nabi Ibrahim bermula dari Babylon dan tersebar hingga penduduk Aryan. Masyarakat Aryan beriman kepada Tuhan yang Maha Esa. Aqidah ini di bawa ke India yang terkenal dengan pemujaan penyembahan patung dewa yang pelbagai. Perkembangan ajaran nabi Ibrahim akhirnya sampai di India yang dibawa oleh bangsa Aryan.

Setelah bangsa Aryan berpindah ke India dan berlaku percampuran budaya dan agama di antara kedua bangsa besar ini sehingga terwujudnya penulis kitab Veda. Pada zaman itu juga dikenali sebagai zaman Vedic.

Di dalam kitab Veda terdapat banyak ajaran nabi Ibrahim. Ajaran mengenai tauhid dan prinsip kehidupan manusia. Konsep ketuhanan yang ada di dalam kitab Veda:

"na tasya pratima asti

"Tak ada rupa buat Tuhan." (Yajurveda 32:3)

"shudhama poapvidham"

"Tuhan tak bertubuh dan suci." (Yajurveda 40:8)

"Andhatama pravishanti ye asambhuti mupaste"

"Mereka memasuki kegelapan bagi yang menyembah elemen alam (Udara, Air, Api Tanah), dan terperosok dalam kegelapan yang besar bagi yang menyembah benda buatan (patung).

(Yajurveda 40:9)

"Dev maha osi"

"Tuhan Maha Besar" (Atharvaveda buku 20: hymn 58: ayat 3)

“Ma cid anyad vi sansata sakhayo ma rishanyata”

“Oh saudara, jangan menyembah apapun selain Dia, satu-satunya Tuhan, pujilah dia sendiri.”
(Rigveda buku 8: hymn1: ayat1)

“Devasya samituk parishtutih”

“Sesungguhnya, kemuliaan Tuhan Pencipta adalah Besar (Tuhan Maha Besar/Akbar) .”
(Rigveda buku 5: hymn 1: ayat 81]

Ini adalah ajaran Islam yang dibawa oleh nabi Ibrahim dan disebar luaskan oleh bangsa Aryan ke India. **Ayat-ayat ini masih lagi kekal di dalam kitab Veda dan jelas menunjukkan bahawa dakwah Islam itu sampai kepada masyarakat di India. Akan tetapi, oleh kerana tidak ada pembanteras daripada bid'ah[1]yang ditokok tambah oleh masyarakat di sana maka wujudnya syirik kepada ajaran ini.**

Tuhan Brhama itu Ibrahim a.s?

Di dalam **buku Anacalypsis ada menyatakan bahawa Abraham dan Brahma adalah watak yang sama** seperti dinyatakan yang bermaksud:

“Para sejarawan Arab berpendapat bahawa Brahma dan Abraham, nenek moyang mereka, adalah orang yang sama. Orang-orang Parsi pada umumnya menyebut Abraham sebagai Ibrahim Zeradust. Cyrus menganggap agama orang Yahudi sama seperti dirinya sendiri. Hindu pasti berasal dari Abraham, atau Israel dari Brahma ... ”[2]

Ram dan Abraham adalah mungkin orang atau watak yang sama. Misalnya, suku kata “Ab” atau “Ap” bererti “ayah”di dalam bahasa Kashmir. Orang-orang Yahudi prototipikal akan menyebut Ram“Ab-Ram” atau “Bapa Ram.” Dari sini boleh dibayangkan bahawa kata “Brahm”berevolusi dari “Ab-Ram” dan bukan sebaliknya. Jadi **Brahm (Brahma) kemungkinan berasal dari kata Ab-Ram (Abraham).** Kata Kashmir untuk “Pemurah Ilahi iaitu Raham juga berasal dari Ram. Ab-Raham = “Bapa atas Rahmat Ilahi.” Rakham = “Kerahiman Ilahi” yang dalam bahasa Ibrani Ram juga istilah untuk “pemimpin yang ditempatkan atau gabenor.”

Abraham dikatakan menjadi salah satu Nabi tertua dari para Nabi Semit. Namanya seharusnya berasal dari makna dua kata Semit ‘Ab’ ‘Ayah’ dan ‘Raam / Raham yang berarti yang ditinggikan.[3] Dalam kitab Bible dalam buku Kejadian, Abraham bermaksud ‘orang yang

banyak". **Kata Abraham berasal dari kata Sanskrit ialah Brahma.** Akar Brahma adalah 'Brah' yang bererti 'Untuk tumbuh atau memperbanyak jumlah'. Selain itu Bhatara Brahma, Tuhan Pencipta Hindu dikatakan sebagai "Bapa semua manusia dan Ta'adari semua Dewa, kerana dari DIA semua makhluk dihasilkan demikian juga kita berasal dari 'Maha Bapa." Ini **adalah sebuah penunjuk jelas bahawa Abraham tidak lain adalah Brahma yang disebut dalam kitab Veda.**" (Vedic Past of Pre-Islamic Arabia; Part VI; p.2.)

Adapun pandangan yang menyatakan bahawa nama Tuhan Brahma itu adalah evolusi dari perkataan Abraham. Di dalam bahasa Sanskrit A itu bermaksud 'tidak' seperti perkataan 'agama', a itu bermaksud tidak, gama itu bermaksud huru-hara yang memberi makna tidak huruhara. Di dalam literal bahasa Sanskrit membuang perkataan A lalu disebut dengan Braham atau Brahma.

Pada awalnya bangsa Aryan mengenali nama Brahma itu sebagai seorang manusia yang membawa ajaran. Akan tetapi lama kelamaan nama itu disalah anggap lalu difahami sebagai Tuhan yang mencipta. Umumnya sudah mengetahui bahawa isteri Nabi Ibrahim bernama Siti Sarah. Di dalam agama Hindu mereka percaya bahawa **nama isteri Tuhan Brhama itu adalah Saraswati dan nama itu hasil evolusi nama Sarah.**

10411353_718848184839278_21891665822139942_n

Adapun ramai dikalangan sahabat agama Hindu dengan bangganya mengemukakan fakta bahawa Hindu adalah agama tauhid yang pertama. Sebenarnya ia jelas tidak begitu. **Saya telah nyatakan bukti bahawa agama Tauhid yang pertama itu adalah Islam yang di bawa oleh Nabi Adam ke Nabi Ibrahim sehinggalah Nabi Muhammad.**

Wallahua'lam

Lebih banyak lagi fakta dan maklumat epistemologi yang akan didedahkan dalam buku Semua Agama Berasal Dari Islam? yang akan mengulas konsep setiap doktrin agama mengikut perbincangan sejarah, analisis kitab dan sebagainya. Pinta doanya moga buku ini lancar dalam penulisanya.

[1] Perkara baru yang ditokok tambah berkaitan dengan agama (aqidah dan ibadat)

[2] Lihat Jesse Russel & Ronald Cohn (2012). Anacalypsis: An Attempt to Draw Aside the Veil of the Saitic Isis or an Inquiry into the Origin of Languages, Nations and Religions, Book Of Demand, Jilid 1, hlm 396

[3] Orang yang meninggikan Ka'bah